

44/KLIA/2025



AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

PELBAGAI HELAH GAGAL, 126 WARGA ASING DIHALANG MASUK KLIA

SEPANG, 20 Ogos 2025 – Seramai 126 warganegara asing dihalang daripada memasuki Malaysia dalam operasi bersepadu oleh Pasukan Pemantau Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA1) dan Terminal 2 (KLIA2), di sini semalam.

Operasi di KLIA1, Pasukan Pemantau telah menahan seramai 35 lelaki warga Pakistan kerana gagal mematuhi syarat kemasukan. Siasatan mendapati mereka mengemukakan tempahan penginapan palsu, tidak membawa wang sara diri yang mencukupi, dan tiada tiket pulang. Kesemua mereka disyaki bukan pelancong tulen dan dipercayai cuba memasuki Malaysia untuk bekerja.

Manakala **operasi di KLIA2** pula telah menyaksikan seramai 91 pelawat asing yang telah dikenakan Notis Penolakan Masuk (NTL) atas pelbagai kesalahan. Ia merupakan kumpulan terbesar yang ditahan melibatkan 64 warganegara India yang menggunakan helah transit. Siasatan mendapati mereka juga gagal mengemukakan bukti tempahan hotel dan tiket penerbangan pulang. Mereka mendakwa hanya transit di Malaysia namun sebenarnya menunggu arahan dan tiket baharu daripada ejen bagi tujuan tinggal serta bekerja secara tidak sah di Malaysia. Turut ditahan di terminal sama ialah dua warga Pakistan yang menggunakan ePass palsu serta 25 lagi individu dari pelbagai negara.

Kesemua 126 individu dari kedua-dua terminal itu telah dikenakan Notis Penolakan Masuk (NTL) dan dihantar pulang ke negara asal masing-masing menggunakan penerbangan terawal dalam tempoh 24 jam.

AKPS amat mengalu-alukan penyaluran maklumat daripada orang awam bagi membantu menghalang cubaan pihak tidak bertanggungjawab memasuki negara secara haram dan menegaskan komitmennya untuk sentiasa memastikan integriti pintu masuk negara terpelihara.

SIARAN MEDIA

MAKLUMAT TAMBAHAN

PECAHAN NOTIS PENOLAKAN MASUK (NTL)	
KLIA1	KLIA2
35 orang	91 orang

PECAHAN TERPERINCI DI KLIA1	
BUTIRAN	PUNCA
35 warganegara Pakistan	• Mengemukakan tempahan penginapan palsu • Tidak membawa wang sara diri yang mencukupi • Tiada tiket pulang

PECAHAN TERPERINCI DI KLIA2	
BUTIRAN	PUNCA
64 warganegara India	Helah transit
2 warganegara Pakistan	ePass palsu
25 warganegara lain-lain	Pelbagai kesalahan
JUMLAH: 91 orang	

Gambar berkaitan :

<https://drive.google.com/drive/folders/1ZT3nKAEcvISf1wUZPHPOOsExO4HRnXF0>

TAMAT

20 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI